

AMALKAN LANGKAH KESELAMATAN

semasa melakukan transaksi kewangan secara dalam talian



- Orang ramai adalah dinasihatkan agar mengambil langkah-langkah keselamatan semasa melakukan transaksi kewangan secara dalam talian terutamanya untuk urusan perbankan.

1

Sentiasa memastikan bahawa alamat sesawang atau lebih dikenali sebagai Uniform Resource Locator (URL) bank yang ingin anda berurusan dengan adalah betul.



2

Pastikan maklumat log masuk dan kata laluan anda dirahsiakan.



3

Pastikan terdapat dua faktor pengesahan bagi memastikan keselamatan akaun anda tidak terjejas. Contohnya seperti kod pengesahan transaksi (TAC) melalui sistem pesanan ringkas (SMS).



4

Tingkatkan tahap kesukaran kata laluan.



5

Mengakses akaun melalui satu sambungan rangkaian peribadi yang selamat dan tidak menggunakan WiFi di kawasan awam.



6

Jangan klik pada mana-mana pautan yang diterima melalui emel, SMS atau lain-lain platform media sosial yang mencurigakan.



7

Pastikan program perisian anti-virus/anti-malware yang berlesen ada dipasang pada alat-alat peranti anda dan sentiasa dikemas kini bagi mengesan sebarang pencerobohan atau penggodaman.



8

Pantau akaun anda sekerap mungkin.



9

Pastikan aplikasi perbankan mudah alih dimuat turun daripada bank atau institusi kewangan dan bukannya daripada pihak ketiga.



- Perbankan Internet telah menjadikan urusan perbankan lebih mudah kepada orang ramai. Urusan perbankan kini boleh dilakukan di mana-mana sahaja, pada bila-bila masa serta pada beberapa peranti mudah alih elektronik atau digital.

Maklumat lanjut boleh didapati di laman web kami www.abm.org.my/safeonlinebanking. Ianya bertujuan untuk mendidik orang ramai tentang cara-cara untuk melindungi diri mereka daripada terjerat dalam penipuan perbankan.

Anda juga boleh menghubungi kami di **ABMConnect 1300-88-9980**.
Jadilah pengguna perbankan yang bijak dan elakkan daripada menjadi mangsa penipuan perbankan.

Maklumat ini dibawa khas kepada anda oleh

PERSATUAN BANK-BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

